

**UCAPAN DASAR KERAJAAN  
OLEH TUAN YANG TERUTAMA YANG  
DI-PERTUA NEGERI SABAH  
SEMPENA PEMBUKAAN RASMI  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH  
YANG KEEMPAT BELAS  
PADA 10 APRIL 2014**

Bismilahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah kita berhimpun dalam Dewan yang mulia ini bagi Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke-14.

2. Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana negeri Sabah dikurniakan nikmat keamanan, kemajuan dan kemakmuran yang membolehkan Kerajaan dan rakyat dapat

bersama-sama membangunkan dan memajukan lagi negeri ini dalam pelbagai bidang. Sesungguhnya, keamanan, kemajuan dan kemakmuran yang kita kecapai ini adalah hasil dari kesungguhan dan komitmen yang tinggi dari pucuk pimpinan berserta anggota kabinet, para penjawat awam, pasukan keselamatan, para pekerja dan pemaju dalam sektor swasta termasuklah juga peranan yang dimainkan oleh sektor korporat.

3. Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pembangunan ekonomi dan sosial negeri Sabah terus berkembang dan berada di tahap perubahan yang semakin mantap. Kerajaan akan memastikan negeri ini sentiasa makmur dan aman serta kesejahteraan rakyat akan terus dipertingkatkan. Malah, adalah agenda utama Kerajaan untuk menambah baik kualiti hidup rakyat dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, di samping mampu membawa kita melonjak ke tahap pembangunan yang jauh lebih tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan akan berusaha melaksanakan pelbagai program pembangunan demi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan

memastikan negeri Sabah menjadi antara negeri yang maju, berdaya tahan dan berdaya saing.

4. Justeru, sukacita saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri pimpinan YAB Ketua Menteri kerana berjaya memimpin dan membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negeri ini. Suasana dan kepimpinan yang dinamik serta berwibawa ini telah menjadikan negeri Sabah sebagai sebuah negeri yang semakin kukuh dan stabil, sehingga mampu mewujudkan lebih banyak peluang pelaburan dan pembangunan, di samping menyediakan pelbagai bentuk peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini.

5. Tahun 2013 merupakan tahun yang bermakna bagi negeri Sabah kerana pelbagai projek mega berimpak tinggi telah berjaya dilaksanakan di negeri ini. Jika diamati, landskap di persekitaran negeri ini terutama di Bandaraya Kota Kinabalu telah mengalami perubahan yang drastik hasil dari pembinaan pelbagai projek ikonik yang berupaya menambahkan lagi corak pembangunan di

ibu negeri.

6. Sesungguhnya, saya berbangga dengan usaha murni Kerajaan dalam melaksanakan pelbagai projek yang mampu memberi kesejahteraan kepada rakyat jelata, antaranya seperti pembinaan projek "*jogging and cycling track*" sepanjang 5.2 kilometer di Teluk Likas dan pembinaan bangunan baru Hospital Queen Elizabeth 1, di samping pembinaan beberapa pusat kesihatan swasta yang bakal didirikan.

7. Sementara itu, Projek Kota Kinabalu Waterfront dan Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah adalah antara projek-projek baru berimpak tinggi yang akan mengangkat imej Bandaraya Kota Kinabalu. Konsep mesra persekitaran dan aplikasi penggunaan teknologi hijau merupakan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan dan gaya hidup mesra alam di negeri ini.

8. Pewujudan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Kota Kinabalu, yang telah mula beroperasi sejak Disember

2013 telah menambah baik sistem penyampaian Kerajaan, di samping berfungsi sebagai '*one stop centre*' untuk kemudahan rakyat. Seterusnya, Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai projek baru untuk membantu menjana ekonomi negeri, antaranya Projek Sabah Ammonia Urea (SAMUR) di Sipitang dan Loji Jana Kuasa Geothermal di Tawau.

Tuan Speaker,

9. Saya amat bangga dengan prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh sektor pelancongan. Hakikatnya, sektor ini merupakan antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Dalam tahun 2013, negeri Sabah mencatat sebanyak 3.38 juta ketibaan pelancong iaitu peningkatan sebanyak 17.6% berbanding dengan tahun sebelumnya. Jumlah tersebut adalah melebihi sasaran awal yang telah ditetapkan sebanyak 3 juta orang.

10. Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, sektor pelancongan telah menetapkan sasaran seramai 3.5 juta pelancong ke negeri ini yang dijangka mampu menjana hasil sebanyak RM6.635 bilion.

11. Saya percaya dengan pencapaian ini akan menambahkan lagi keyakinan para pengusaha syarikat penerbangan untuk meningkatkan akses perkhidmatan rangkaian udara ke negeri Sabah. Pada masa ini, terdapat sebanyak 146 penerbangan terus ke 17 destinasi antarabangsa dengan jumlah kapasiti seramai 22,829 orang penumpang dalam seminggu. Dalam tahun 2013, Sabah telah menerima sebanyak 262 "*chartered flights*" yang berjaya membawa seramai 39,571 orang penumpang.

12. Setakat bulan Januari 2014, Sabah telah mencatatkan seramai 289,353 jumlah pelancong yang menunjukkan peningkatan sebanyak 23.1 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Ketibaan pelancong domestik menunjukkan peningkatan sebanyak 25.2 peratus dengan jumlah pelancong seramai 181,424

orang, manakala ketibaan pelancong antarabangsa telah menunjukkan peningkatan sebanyak 19.7 peratus dengan jumlah pelawat seramai 107,929 orang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

13. Dalam bidang pertanian pula, Kerajaan akan terus mempelbagaikan dan memodenkan usaha-usaha pertanian yang saintifik dengan lebih teratur lagi untuk meningkatkan taraf sosioekonomi segolongan besar rakyat jelata di negeri ini. Justeru, saya amat gembira dengan inisiatif dan perhatian yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam meningkatkan produktiviti sektor pertanian yang merupakan antara sektor penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah selaras dengan Dasar Halatuju Kerajaan Negeri. Antara inisiatif tersebut termasuklah menyediakan peruntukan pembangunan yang lebih besar untuk meningkatkan produktiviti dalam pengeluaran padi dan menambah baik sistem pengairan. Sehubungan itu, Kerajaan berusaha melaksanakan program peningkatan

produktiviti pengeluaran padi di bawah Entry Point Projects 11 (EPP11) iaitu Pembangunan Jelapang Padi Baru di Kota Belud.

14. Di sudut yang lain pula, Kerajaan akan memfokus kepada pembangunan industri akuakultur. Justeru, Kerajaan Persekutuan telah memberi tanggungjawab kepada sebanyak 21 buah syarikat untuk meneraju industri akuakultur di negeri Sabah bagi melaksanakan ternakan udang laut, udang kara, ikan laut dalam sangkar dan rumpai laut. Setakat ini, sejumlah RM312 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah NKEA untuk memajukan projek-projek berkenaan. Justeru, dalam tempoh dua (2) tahun, negeri Sabah berpotensi untuk menjadi pengeluar terbesar produk akuakultur yang bernilai tinggi di Malaysia.

15. Sesungguhnya, Kerajaan juga berusaha untuk membantu meningkatkan pendapatan para pekebun kecil getah di kawasan luar bandar. Untuk itu, seluas 5,503 hektar yang melibatkan seramai 1,800 orang pekebun kecil



getah telah dibangunkan pada 2013. Manakala pada tahun 2014 pula, Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) akan meneruskan program pembangunan tanah seluas 5,419 hektar, melibatkan seramai 1,900 orang peserta baru pekebun kecil getah. Program ini mampu meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah sehingga RM4,000 sebulan. Di samping itu, Program Pembangunan Pekebun Kecil Getah secara berkelompok akan dilaksanakan dengan penanaman klon getah bermutu tinggi yang mampu mengeluarkan hasil getah yang lebih baik.

16. Sesungguhnya Kerajaan mengambil berat dan berusaha dalam menangani isu kemiskinan. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri pimpinan YAB Ketua Menteri Sabah kerana berjaya mengurangkan kadar kemiskinan secara drastik iaitu daripada 19.7% pada tahun 2009 kepada 8.1% pada tahun 2012.

17. Kejayaan yang membanggakan ini tidak datang secara bergolek tetapi ia adalah hasil daripada usaha gigih

dan berterusan oleh semua pihak terutamanya Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksana pelbagai projek dan program pembasmian kemiskinan.

18. Saya yakin dengan usaha berterusan dan kerjasama yang jitu di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan ke arah membasmi kemiskinan serta meningkatkan infrastruktur asas khususnya di kawasan-kawasan lubuk kemiskinan di negeri ini, negeri Sabah akan berupaya mencapai sasaran kadar kemiskinan kepada 3% menjelang tahun 2018.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

19. Seperti mana kita maklum, sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management*) yang sedang diamalkan oleh Kerajaan Negeri akan terus dipertingkatkan dan diberi sokongan sepenuhnya. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga bertekad untuk meningkatkan Jumlah Kawasan Perlindungan (*Totally Protected Areas*) daripada 1.35 juta hektar kepada 2.1 juta

hektar dalam tempoh 10 tahun akan datang.

20. Malah Kerajaan Negeri berusaha untuk mengenal pasti beberapa kawasan tertentu untuk diwartakan atau dikelaskan semula menjadi Hutan Simpan Kelas I (Hutan Perlindungan) dan seterusnya meningkatkan keluasan kawasan Hutan Simpan Kelas I (Hutan Perlindungan) kepada 1 juta hektar pada tahun 2014. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri akan turut memberi keutamaan kepada ekosistem hutan yang mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi untuk dipelihara mengikut kehendak representasi selaras dengan *Convention on Biological Biodiversity* (CBD).

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

21. Sektor pembuatan akan terus memainkan peranan yang penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri ini. Sejak tahun 2009 hingga 2013, negeri Sabah telah menerima nilai pelaburan berjumlah RM16.2 bilion. Sehubungan itu, Sabah telah menjadi antara negeri yang menjadi tumpuan kepada para pelabur domestik dan juga

luar negeri.

22. Kerajaan juga telah menyediakan kawasan-kawasan perindustrian berkelompok seperti Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), POIC Lahad Datu, POIC Sandakan dan Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP) yang bukan sahaja dapat menempatkan kilang-kilang pembuatan bagi aktiviti-aktiviti hiliran tetapi ia juga telah berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan kepada masyarakat tempatan. Untuk itu, sektor pembuatan telah berjaya menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 43,475 dalam tempoh tiga tahun yang lalu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

23. Pelaksanaan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) telah memasuki fasa yang kedua (2011-2015). Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah memberi penekanan yang lebih kepada usaha menarik pelaburan dalam aktiviti-

aktiviti bernilai tambah tinggi serta mempromosi Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEs) dan mengenal pasti sumber-sumber baru pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Sehubungan ini, setakat penghujung tahun 2013, jumlah pelaburan komited adalah sebanyak RM127 bilion, dan lebih kurang RM25 bilion daripada jumlah pelaburan komited tersebut telahpun direalisasikan.

24. Sementara itu, Kerajaan berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memastikan peningkatan kualiti hidup rakyat di negeri ini. Justeru, Kerajaan Negeri Sabah sedang dalam proses mengkaji semula dan mengemas kini Pelan Struktur Negeri Sabah. Pelan Struktur ini akan menjadi instrumen dalam memandu hala tuju pembangunan di negeri ini, dan ia akan diimplementasikan di Pelan Tempatan dan Pelan Daerah dengan lebih terperinci.

25. Pada masa sama, Kerajaan akan memainkan peranan dalam menyediakan kemudahan perumahan mampu milik serta memastikan pembangunan wilayah yang

seimbang. Dengan itu, dalam tempoh 5 tahun, sebanyak 10 ribu unit Rumah Mampu Milik di kawasan bandar dan pinggir bandar akan dibina oleh pemaju swasta.

26. Kerajaan Pusat melalui Jabatan Perumahan Negara akan membantu dalam pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) di mana sebanyak 10,000 unit baru dijangka akan dibina di Sabah dalam tahun 2014. Justeru, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk pembinaan PPR dan Rumah Mampu Milik.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

27. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha membangun infrastruktur di negeri ini untuk kesejahteraan rakyat dengan memberikan keutamaan kepada projek-projek yang boleh mendatangkan manfaat kepada rakyat, di samping mendukung sektor-sektor ekonomi utama negeri ini. Dalam tahun 2013, Kerajaan Negeri berjaya mencapai prestasi perbelanjaan sebanyak 89%

daripada jumlah sebanyak RM418.5 juta yang diperuntukkan untuk projek-projek infrastruktur.

28. Bagi tahun 2014 pula, fokus utama Kerajaan adalah untuk merancang dan melaksanakan projek-projek yang berimpak tinggi. Projek-projek ini antara lain adalah untuk meningkatkan jaringan sistem jalan raya di seluruh negeri, penyediaan bekalan air bersih, pemodenan perkhidmatan kereta api dan meningkatkan kemudahan infrastruktur maritim sama ada untuk kegunaan awam mahupun yang membabitkan pelaburan-pelaburan komersil.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. Dalam sektor ICT pula, pada hujung tahun 2013, liputan selular dan jalur lebar (*broadband*) masing-masing telah mensasar 88.0% dan 54.4%. Usaha untuk meluaskan liputan secara meningkatkan kualiti perkhidmatan harus diteruskan kerana perkhidmatan telekomunikasi telah menjadi satu utiliti asas supaya negeri kita dapat maju ke hadapan selari dengan pembangunan negara. Pada

masa yang sama, untuk memberi kemudahan kepada rakyat, Kerajaan mensasarkan sekurang-kurangnya 90% penggunaan perkhidmatan dalam talian (*online services*).

30. Seterusnya, modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan, kreatif dan inovatif adalah prasyarat bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Dengan itu, Kerajaan amat menghargai peranan golongan Generasi Y (Gen-Y) yang akan menerajui pembangunan negara di masa hadapan. Dengan itu, Kerajaan akan terus memberi tumpuan dan perhatian dalam membimbing dan mengadakan *continuous engagement* dengan golongan tersebut.

31. Kerajaan akan melaksanakan pelbagai inisiatif yang akan menggalakkan modal insan menjadi lebih kreatif, inovatif dan produktif. Proses transformasi minda sama ada di sektor awam mahupun di sektor swasta adalah penting dalam mewujudkan modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam pelbagai bidang.



Ahli-Ahli Yang Berhormat,

32. Kerajaan komited dalam melindungi dan memperkasakan kaum wanita. Justeru, pelbagai program dan inisiatif untuk lebih merakyatkan perkhidmatan Kerajaan telah dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) Sabah, selaras dengan Pelan Induk 10 Tahun Pembangunan Wanita Sabah menerusi kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan anggota masyarakat di peringkat akar umbi.

33. Bagi mencapai matlamat Dasar Wanita Negara dan melaksanakan Pelan Induk 10 Tahun Pembangunan Wanita Sabah, Kerajaan telah menggunakan pendekatan yang lebih tegas dalam memperkasa peranan kaum wanita. Selain itu, program-program kepimpinan, keusahawanan, keilmuan, perundangan juga dilaksanakan, di samping memperkukuh aspek kesihatan dan sosioekonomi kaum wanita.

34. Kerajaan juga akan terus memberi perhatian kepada institusi keluarga serta mengambil langkah-langkah tegas untuk membantu golongan rentan seperti ibu tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas, selaras dengan komitmen berterusan Kerajaan dalam memelihara kesaksamaan hak dan peluang kepada semua lapisan masyarakat.

35. Sementara itu, kesejahteraan masyarakat secara umumnya boleh tergugat apabila isu kepenggunaan tidak diberi perhatian serius. Kebelakangan ini isu kenaikan harga barangan menjadi topik hangat di kalangan rakyat yang membawa tanggapan negatif kepada Kerajaan sekiranya ia tidak dibendung. Justeru, langkah Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemantauan Harga Barangan dan Perkhidmatan pada awal tahun ini adalah wajar dan merupakan satu usaha yang perlu disokong dan diberi perhatian. Sehubungan ini, beberapa inisiatif telah diambil untuk membendung kenaikan harga barangan, antaranya membuat pemantauan dan kawalselia harga barangan dan perkhidmatan, serta

mewujudkan kesedaran kepenggunaan dan melaksanakan operasi penguatkuasaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

36. Budaya cintakan ilmu haruslah dipupuk dalam kalangan semua lapisan masyarakat terutamanya golongan belia untuk mewujudkan masyarakat yang kaya maklumat. Saya menyeru agar sifat suka membaca dijadikan satu amalan dan dijadikan budaya seumur hidup.

37. Oleh itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa program pembangunan dalam usaha memperluas perkhidmatan Perpustakaan Bergerak dan membangunkan bahan perpustakaan yang komprehensif. Ini termasuklah menyediakan perkhidmatan perpustakaan di daerah-daerah seluruh negeri Sabah.

38. Kerajaan menyedari perubahan generasi masa kini lebih tertumpu kepada teknologi maklumat apabila

menjadikan laman sosial *Twitter* dan *Facebook* untuk berkomunikasi. Golongan belia masa kini mempunyai naluri hendak mencuba sesuatu perkara yang baru. Oleh itu, apa jua program yang dirancang untuk pembangunan belia ia juga harus mengambil kira perubahan minda Generasi 'Y'. Lantas, dalam mentransformasikan pembangunan belia, Kerajaan akan memberikan fokus kepada program-program dan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat dan relevan kepada golongan belia di negeri ini.

39. Sehubungan itu, saya merakamkan penghargaan kepada PETRONAS atas daya usaha dan sokongan dalam pembangunan kemahiran belia di Sabah melalui kerjasama dengan lima institusi latihan iaitu Kolej Yayasan Sabah, Giat Mara Kumanis, Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu, Institut Latihan Teknikal dan Perdagangan Papar serta Institut Kemahiran Mara. Saya menyeru golongan belia untuk merebut peluang-peluang ini bagi melengkapkan diri dengan kemahiran.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

40. Kerajaan sungguh mengambil berat mengenai pembangunan industri sukan di negeri ini. Sukan memberi faedah kepada kesihatan, memperkukuh muhibbah dan toleransi serta menyumbang kepada penggalakan pertandingan sukan yang sihat di kalangan masyarakat. Selain itu, sukan juga merupakan wadah untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum serta berupaya menaikkan imej negeri dan negara di persada dunia.

41. Saya turut berbangga dengan pencapaian atlet-atlet negeri yang telah mengharumkan nama negeri Sabah dalam temasya-temasya sukan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa. Di peringkat antarabangsa, atlet dari negeri Sabah berjaya mewakili negara di Temasya Sukan SEA Ke-27 yang lalu dan juga Temasya Sukan Komanwel yang akan berlangsung di Scotland.

42. Selain itu, kita berbangga apabila seramai 10 orang Atlet Kurang Upaya dari negeri Sabah telah berjaya memenangi sebanyak 19 pingat di Temasya Sukan Para Asean (OKU) yang telah berlangsung dari 11 hingga 20 Januari 2014 di Myanmar.

43. Kerajaan juga akan mempromosikan Sukan dan Pelancongan (*sports tourism*) melalui penganjuran acara-acara sukan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa di negeri Sabah seperti pertandingan *Climbathon*, kejohanan berbasikal antarabangsa Jelajah Borneo, pertandingan lumba perahu naga, kayak arus deras dan lain-lain lagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

44. Dalam usaha menggerakkan Sabah ke fasa pembangunan yang lebih tinggi ke arah mencapai status negeri maju dan berpendapatan tinggi, saya menyeru agar komitmen sepenuhnya daripada kita semua dan setiap individu hendaklah bersedia untuk bekerja lebih kuat bagi mencapai matlamat dasar-dasar tersebut. Kita

hendaklah bersedia mengubah cara pemikiran kita, berinovatif dan berdisiplin serta mempunyai “*sense of urgency*” dalam menghadapi cabaran yang semakin meningkat.

45. Seterusnya, kita perlu memupuk dan memperteguh perpaduan jika kita berkehendakkan masa depan yang lebih cerah, rancangan pembangunan yang stabil dan membentuk masyarakat adil serta makmur. Yang penting sekali ialah “perpaduan di kalangan rakyat di semua peringkat dan dalam semua bidang. Hanya rakyat yang bersatupadu dan berusaha untuk mencapai matlamat yang sama sahaja dapat melahirkan bangsa dan negara yang teguh”.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

46. Apapun perancangan dan program Kerajaan, baik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan, asas dan dasarnya ialah kesejahteraan rakyat. Justeru, apa juga perancangan dan program Kerajaan perlu dijalankan dan

dilaksanakan agar ia dapat dinikmati oleh rakyat secara keseluruhannya. Ini bermakna, Kerajaan dan rakyat harus dalam keadaan timbal balik, yang memberi dan saling menerima. Kerajaan memberi dalam erti kata menjalankan tanggungjawabnya mentadbir negara, manakala rakyat pula sebagai penerima dalam erti kata menikmati hasil perancangan dan pelaksanaan program-program Kerajaan.

47. Namun semua itu tidak akan terjadi seandainya negeri berada dalam keadaan yang tidak tenteram dan tidak stabil. Untuk mencapai ketenteraman dan kestabilan yang hakiki, kita perlu bersatu padu. Dengan itu, saya menyeru semua rakyat dari pelbagai lapisan untuk mengekalkan perpaduan sesama kita dan mengelakkan perpecahan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

48. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-Ahli Jemaah Menteri atas kecemerlangan khidmat bakti yang telah mereka curahkan



dalam memimpin hala tuju pembangunan negeri ini.

49. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Perkhidmatan Awam dan Pasukan Keselamatan khususnya pihak Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia serta semua pihak yang terlibat dalam proses menentukan keamanan dan kesejahteraan rakyat negeri terus terjamin.

50. Semoga Tuhan yang masa Esa sentiasa melimpahi kurnia dan rahmat-Nya kepada kita semua serta melindungi negeri yang bertuah ini agar kita akan terus maju, aman dan makmur selama-lamanya.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.